

Tel: +(6)07-5533333 Faks: +(6)07-5579887 <http://ebendahari.utm.my/bendahari/>

RUJUKAN KAMI:

UTM.J.03/10.12/3 Jld. 3 (19)

RUJUKAN TUAN:

1 Julai 2014
3 Ramadan 1435

PEKELILING BENDAHARI BIL. 6 TAHUN 2014

Dekan-Dekan Fakulti,
Ketua-Ketua Jabatan,
Universiti Teknologi Malaysia

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Y. Bhg Prof./Saudara,

TATACARA PENGURUSAN PEROLEHAN UNIVERSITI

Tujuan

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengenai perubahan Had Nilai dan Tatacara Pengurusan Perolehan bekalan dan perkhidmatan.

Tatacara Perolehan Secara Pembelian Terus

Peraturan semasa menetapkan bahawa perolehan bekalan dan perkhidmatan yang bernilai sehingga RM10,000.00 hendaklah dilaksanakan secara Pembelian Terus. Sebagai langkah untuk mempercepatkan pelaksanaan perolehan, had nilai perolehan secara **Pembelian Terus dinaikkan daripada RM10,000.00 kepada RM50,000.00 setahun.**

Berdasarkan kepada perubahan ini, Universiti mengeluarkan tatacara pengurusan perolehan Universiti yang baru. Pusat Tanggungjawab hendaklah mematuhi sepenuhnya peraturan/tatacara yang ditetapkan di bawah pekeliling ini termasuk memastikan perkara-perkara berikut:

- i) semua urusan berkaitan perolehan Universiti berdasarkan amalan tadbir urus baik (*good governance practices*) dengan mematuhi prinsip-prinsip

